

Wan Azizah failkan usul undi tak percaya Najib di Parlimen
Malaysian Insider
Oct 22, 2015
Oleh Diyana Ibrahim

Ketua Pembangkang Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail memfailkan usul undi tidak percaya terhadap Perdana Menteri Datuk Seri Najb Razak hari ini di pejabat Speaker Dewan Rakyat Tan Sri Pandikar Amin Mulia.

Terdahulu, Pakatan Harapan secara sebulat suara menetapkan ketua pembangkang Dr Wan Azizah Wan untuk membawa usul yang sebelum ini dikemukakan Ahli Parlimen Petaling Jaya Selatan Hee Loy Sian.

Dr Wan Azizah berkata usul itu bertujuan menolak kepimpinan Najib dan bukan untuk menukar kerajaan. – 22 Oktober, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/wan-azizah-failkan-usul-undi-tak-percaya-najib-di-parlimen>